



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Mei 19, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

● | A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

CEO@Faculty Programme bersama Tan Sri Tony Fernandes



Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto: Noorazreen Awang

SERDANG – Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan CEO@FacultyProgramme bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Air Asia, Tan Sri Tony Fernandes bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai industri, baru-baru ini.

Dalam sesi perkongsian itu, beliau menegaskan kepada pelajar UPM agar tidak gentar dengan kegagalan kerana ia adalah sebahagian daripada pengalaman hidup serta sebagai 'senjata' untuk persiapan masa depan yang cemerlang.

"Anda boleh melakukan apa sahaja yang anda impikan. Saya menggalakkan anda untuk mencapai impian anda, menikmati kehidupan, menjadi individu yang positif dan mencari penyelesaian yang positif dalam apa jua permasalahan," katanya.

Beliau turut memberikan beberapa amalan pengurusan untuk berjaya dalam memimpin sesebuah organisasi di jangka masa yang panjang.

"Anda harus memahami tugas staf anda yang bekerja, budaya kerja adalah penting dalam sesebuah organisasi. Ketelusan adalah kunci kejayaan sesebuah organisasi. Saya sendiri masih 'turun padang' untuk memahami permasalahan dan keperluan staf di organisasi saya.

"Selain itu, perlu menjivai kerjaya yang anda lakukan kerana ini akan meningkatkan lagi produktiviti serta idea dalam mempertingkatkan lagi kualiti kerja, penjenamaan dan pemasaran syarikat anda adalah 'kuasa' untuk membina inovasi baharu," katanya.



Program perkongsian tersebut turut dihadiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

Pada tahun ini, Kementerian Pendidikan Tinggi melantik empat CEO serta Pegawai Kanan Kerajaan untuk berkolaborasi bersama UPM, pada Majlis Apresiasi & Penyampaian Watikah Pelantikan, CEO@FacultyProgramme, anjuran Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Di antara tugas CEO yang dilantik untuk CEO@FacultyProgramme adalah berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia korporat bersama staf UPM. Selain itu, untuk bersama pelajar UPM bagi membentuk serta membimbing bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan serta pembangunan sahsiah secara holistik.

Sementara itu, pada September tahun lalu, UPM telah menjemput Dr. Richard Parker, Pengarah Penyelidikan & Teknologi, Kumpulan Rolls-Royce.

Terdahulu, Kementerian Pendidikan (kini sebagai Kementerian Pengajian Tinggi) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [(PPPM (PT))] pada 7 April 2015 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri.

Bagi menyokong lonjakan PPPM ini, kementerian telah melancarkan CEO Faculty Programme (CFP) bagi membangunkan graduan yang seimbang daripada segi akhlak dan ilmu dengan meningkatkan minda berpandukan nilai dan keusahawanan.

Melalui program ini, kerjasama industri akan dilibatkan melalui program pembelajaran melalui pengalaman, berserta kerangka penilaian bersepadu baharu yang melihat ke arah pembangunan holistik. CEO yang terlibat akan berkongsi pengalaman dan pengetahuan bagi membentuk serta membimbing pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. – UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 19 May 2016

